

08/07/1999

Nik Aziz turut termasuk puak pelampau

IPOH, Rabu - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dikatakan secara tidak langsung mengakui dirinya sebagai pelampau Pas apabila pemimpin tertinggi parti pembangkang itu mendakwa wujud unsur kafir dalam Umno.

Ketua Penerangan Umno Perak, Datuk Ramly Zahari, berkata Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, sebelum ini pernah berkata bahawa mereka yang menuduh Umno kafir adalah pelampau sama ada ahli atau pengikut Pas.

Sehubungan itu, Ramly yang juga Exco kerajaan negeri berkata dakwaan terbaru wujud unsur kafir dalam Umno yang dibuat Nik Abdul Aziz ketika memberi ceramah politik di Padang Tembak, Pengkalan Chepa, Kelantan, Jumaat lalu, umpama 'meludah ke langit'.

"Dulu Nik Aziz kata perbuatan mengkafir ahli Umno sebagai pelampau Pas, tetapi sekarang dia sendiri mendakwa wujud unsur kafir dalam Umno seperti dilaporkan akhbar.

"Tindakan Nik Aziz itu jelas bahawa dia sendiri meletak atau melabelkan dirinya sebagai pelampau dalam parti yang dipimpinnya," katanya di sini, hari ini.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Othman berkata dakwaan Nik Aziz itu juga menunjukkan wujud pengaruh Khawarij dalam Pas kerana membuat tuduhan melulu mengenai keimanan seseorang.

Dakwaan itu juga menunjukkan pendirian Pas yang sentiasa berubah-ubah dan mengelirukan masyarakat.

Ramly yang pernah mencuit hati perwakilan dalam Perhimpunan Agung Umno, Jun lalu dengan menyanyikan petikan lagu filem Hindustan yang bermaksud 'kasih sayang tidak pernah berbelah bahagi' bagi menggambarkan sokongan padu Umno Perak kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Nik Aziz juga mempunyai ciri fahaman Syiah.

Menurutnya, ini kerana dia yang menerajui Pas menggunakan kaedah pelampau demi apa yang mereka namakan perjuangan menegak Islam.

"Sebagai seorang Islam kita tahu golongan pelampau (dalam Islam) berlawanan dengan tuntutan Islam seperti fahaman Syiah.

"Kita di Malaysia menerima fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai ikutan yang tidak menggunakan unsur pelampau dalam agama. Tetapi jika Nik Aziz secara tidak langsung merujuk dirinya sebagai pelampau, maka dia juga mempunyai ciri Syiah," katanya.

(END)